

## SUMBANGAN HUKUMAN TAKZIR 'UMAR BIN AL-KHATTAB DALAM QANUN ACEH DI INDONESIA

### THE CONTRIBUTION OF TAKZIR PUNISHMENT OF 'UMAR BIN AL-KHATTAB IN THE QANUN ACEH IN INDONESIA

<sup>i</sup>Ali Imran Sinaga, <sup>ii</sup>Mohd Nizam Sahad & <sup>iii</sup>\*Mohammad Amir Wan Harun

<sup>i</sup>Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan, UIN Sumatera Utara, Medan, Indonesia

<sup>ii</sup>Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

\*(Corresponding author) e-mail: [amirwan@usm.my](mailto:amirwan@usm.my)

#### Article history:

Submission date: 15 Dec 2023

Received in revised form: 22 March 2024

Acceptance date: 27 March 2024

Available online: 31 August 2024

#### Keywords:

'Umar bin Al-Khattab, flogging, prison, takzir, Qanun Aceh, sebat, penjara, takzir

#### Funding:

Part of this study was funded by the Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) from the Ministry of Higher Education Malaysia. Project code: FRGS/1/2023/SSI13/USM/03/1.

#### Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

#### Cite as:

Sinaga, A. I., Sahad, M. N., & Wan Harun, M. A. (2024). Sumbangan hukuman takzir 'Umar Bin Al-Khattab dalam Qanun Aceh di Indonesia: the contribution of takzir punishment of 'Umar Bin Al-Khattab in the Qanun Aceh in Indonesia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(2), 471-489. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol12no2.545>



© The authors (2024). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [penerbit@usim.edu.my](mailto:penerbit@usim.edu.my).

#### ABSTRACT

Often in commentaries on the Aceh Code, researchers relate it to the status of existing applicable laws and regulations as well as the principles of Human Rights (HAM). As a result, the Aceh Code has been criticized as not being in line with the law; it is even seen as radical, extreme, and contrary to human rights values. However, it is a law built based on Islamic principles. In order to counter this perception of the Aceh Code, this study analyzes the relationship between the Aceh Code and the practice of takzir punishment by 'Umar bin al-Khattab. The researcher used a qualitative method with a documentary research design to collect data from primary documents, namely the Aceh Code and various legal jurisprudence reference books that contain the practice of 'Umar's takzir. Next, an analysis was made to compare the Aceh Code with the practice of takzir punishment by 'Umar bin al-Khattab. The results of the document analysis found that there are similarities between the Aceh Code and 'Umar's takzir practice in the execution of punishments, including flogging, imprisonment, and fines. The Aceh Code even implements these punishments by adapting them to the conditions, culture, and local traditions of the Aceh community. In conclusion, this study highlights the Aceh Code's strong foundation in Islamic jurisprudence by drawing parallels between its punishments and the takzir practices of 'Umar bin al-Khattab. Contrary to common criticisms, the Aceh Code is not inherently radical or extreme but reflects a careful adaptation of Islamic legal principles to the cultural and societal context of Aceh. By demonstrating the Code's alignment with both traditional Islamic law and local practices, this research provides a deeper understanding of how Shariah-based laws can be integrated within contemporary legal frameworks while maintaining respect for cultural diversity.

## ABSTRAK

Seringkali dalam ulasan mengenai Qanun Aceh, para penyelidik mengaitkannya dengan status undang-undang dan peraturan terpakai sedia ada serta prinsip-prinsip Hak Asasi Manusia (HAM). Akibatnya, Qanun Aceh telah dikritik sebagai tidak selaras dengan undang-undang tersebut, bahkan ia dilihat sebagai radikal, ekstrim, dan bertentangan dengan nilai-nilai HAM, sedangkan ia adalah undang-undang yang dibina berdasarkan prinsip Islam. Bagi menangkis persepsi ini terhadap Qanun Aceh, kajian ini menganalisis hubungan Qanun Aceh dengan amalan hukuman takzir 'Umar bin al-Khattab. Pengkaji menggunakan metode kualitatif dengan reka bentuk kajian dokumentar untuk mengumpulkan data daripada dokumen primer, iaitu Qanun Aceh dan pelbagai buku rujukan fiqh undang-undang yang mengandungi amalan takzir 'Umar. Seterusnya analisis dibuat bagi membandingkan Qanun Aceh dengan praktik hukuman takzir 'Umar bin al-Khattab. Hasil analisis dokumen mendapati bahawa wujud persamaan antara Qanun Aceh dengan praktik takzir Umar dalam pelaksanaan hukuman merangkumi hukuman sebatan, penjara dan denda. Bahkan Qanun Aceh melaksanakan hukuman-hukuman ini dengan turut menyesuainya dengan kondisi, budaya, dan tradisi setempat masyarakat Aceh. Sebagai kesimpulan, kajian ini menekankan asas kukuh Qanun Aceh dalam jurisprudens Islam dengan menunjukkan persamaan antara hukuman-hukumannya dan amalan takzir yang telah dilaksanakan oleh 'Umar bin al-Khattab. Qanun Aceh bukanlah radikal atau ekstrem namun mencerminkan adaptasi dan penyesuaian prinsip undang-undang Islam kepada konteks budaya dan masyarakat Aceh. Kajian ini memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana undang-undang berasaskan Syariah dapat diintegrasikan dalam rangka perundangan moden sambil kekal menghormati kepelbagaian budaya.

## Pendahuluan

Secara hierarki dalam perundangan Islam, terdapat tiga jenis hukuman fizikal (*jinayah/jarimah*) bagi pelaku jenayah iaitu qisas, hudud, dan takzir. Bagi hukuman qisas dan hudud, al-Quran dan hadis telah menentukan bentuk dan jumlah hukumannya (Abu Bakr Jabir al-Jaz'iri, 1987). Dalam hal ini, manusia hanya melaksanakannya dan tidak boleh mengurangkan atau menambahnya (Muhammad ibn Isma'il. Al-Kahlani, 1986). Di beberapa negara Islam, pelaksanaan hukuman qisas dan hudud dilaksanakan mengikut prinsip politik yang dianuti dan prinsip keperluan undang-undang negara tersebut, seperti Arab Saudi (Hasan, 1992) dan Pakistan (Tim Penulis Ensiklopedi Nasional Indonesia, 1997). Manakala bagi hukuman takzir pula, bentuk dan jumlahnya diserahkan kepada budi bicara pemimpin negara untuk menetapkannya sesuai dengan undang-undang sedia ada (Abd al-Qadir al-'Audah, 1968). Dalam sejarah Islam, pernah terjadi penetapan hukuman takzir yang tepat dan lengkap oleh seorang ketua negara yang digelar Amirul Mukminin 'Umar bin Al-Khattab. Walaupun takzir 'Umar Al-Khattab telah lama wujud, ia masih hangat dibahaskan oleh pemimpin agama dan negara pada hari ini sebagai salah satu rujukan takzir yang komprehensif (D. M Müller, 1920). Koleksi hukuman takzir 'Umar merangkumi pelbagai bidang jenayah, memiliki solusi yang tersendiri, berbentuk praktikal yang tidak ditulis, pantas dan konsisten sehingga ia mampu menyebabkannya pengurangan kadar jenayah dalam Masyarakat (al-Thakeb & J. E. Scott, 1981).

Salah satu wilayah di Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI), iaitu Provinsi Aceh terletak pada perbatasan laut dengan India, Myanmar, Thailand, dan Malaysia. Di sebelah Timur, Aceh berbatasan laut dan darat dengan wilayah Sumatera Utara. Jumlah Penduduk Aceh adalah sebanyak 5.3 juta orang. Daripada jumlah ini, penduduk yang beragama Islam adalah sebanyak 5.26 juta, mewakili 98.4% (Badan Pusat Statistik Provinsi Aceh, 2022). Aceh telah memasukkan hukuman takzir dalam Qanun bertulisnya yang bertujuan melestarikan kehidupan Islam masyarakat Aceh dan menjunjung tinggi ajaran Islam (Mohammad Said, 1991). Sesuatu yang menarik pada Aceh, ia diberikan hak oleh NKRI untuk melaksanakan undang-undang Islam di kawasan pemerintahannya sebagai mana yang dijelaskan dalam sejarah tahap perkembangan di bawah ini (al-Yasa' Abu Bakar, 2020):

1. Tahun 1945-1959: Tahap perjuangan untuk mendapatkan perakuan daripada pemerintah pusat ketika dipimpin oleh Abu Beureuh sehingga tertubuhnya Undang-undang No. 24 tahun 1956 tentang pembentukan Daerah Otonom Propinsi Aceh.

2. Tahun 1959-1999: Tahap pengiktirafan politik, tetapi tidak dilanjutkan dengan dasar untuk melaksanakannya. Ketika ini diwujudkan UU No.5/74 tentang Penunjukan Daerah Istimewa Aceh, Pemberontakan Gerakan Aceh Merdeka (GAM) yang dipimpin oleh M. Hassan Di Tiro, dan UU No. 44/99 mengizinkan pelaksanaan syariat Islam.
3. Tahun 1999-2006 Tahap permohonan kebenaran bagi pelaksanaan secara terbatas. Pada tahap ini diwujudkan UU No.18/01 autonomi khusus di Aceh dan diganti dengan UU No.11/06, UU No.4 Tahun 2004 tentang Kekuasaan Kehakiman, dan UU No. 11 Tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh, Syariat Islam: akidah, syariat, dan akhlak.
4. Tahun 2006-2013: Peringkat pelaksanaan yang lebih meluas melalui permohonan pengiktirafan sebagai subsistem dalam sistem perundangan negara. Tahap ini ditetapkannya 4 (empat) Peraturan Daerah (Perda) Aceh:
  - i. Qanun No.11 Tahun 2002 Tentang Penerapan Syariat Islam Tentang Ibadah, Aqidah, dan Syiar Islam.
  - ii. Qanun No. 12 tahun 2002 Tentang Khamar (minuman beralkohol) dan sejenisnya.
  - iii. Qanun No. 13 tahun 2003 Tentang Maisir (perjudian).
  - iv. Qanun No. 14 tahun 2003 Tentang Khalwat (zina).

Dengan perundangan ini, wilayah Aceh berpeluang membuat peraturan hukuman fizikal seperti qisas, hudud, dan takzir dalam Peraturan Daerahnya. Namun begitu, merujuk kepada hukuman takzir yang pelaksanaannya bergantung kepada budi bicara pemerintah, sejauh mana wilayah ini menerapkan takzir 'Umar, sama ada merangkumi sebahagian atau seluruhnya, atau terdapat ubahsuai dengan cara mengurangi atau menambah kandungan takzir 'Umar? Pertanyaan-pertanyaan ini akan dijawab dalam kajian ini.

Selain itu, penelitian terhadap Qanun Aceh yang berkaitan dengan undang-undang positif (undang-undang terpakai sedia ada), Peraturan Negara Kesatuan Republik Indonesia, Dan Pemerintahan Daerah Aceh, mendapati:

1. Kewujudan Naskah Akademik Dalam Pembentukan Qanun Aceh yang membawa kepada pembahasan literatur hukum positif (undang-undang terpakai sedia ada) dalam Qanun Aceh (Mukhlis Bakillani, 2022).
2. Pembangunan Hukum Qanun Gampong di Kabupaten (Daerah) Aceh Besar yang membawa kepada cara memperkenalkan semula Qanun ke dalam tradisi masyarakat Aceh (N Roesa S Sulaiman et al., 2021).
3. Menilai kesesuaian Qanun Komisi Kebenaran dan Rekonsiliasi Aceh dengan asas-asas pembentukan peraturan undang-undang yang membawa kepada hukum positif (Zahlul PASHA, 2019).
4. Mempersoalkan kesahan perundangan Qanun Aceh: Sesuikah dengan sistem peraturan dan perundangan? (Milono Andi Muhammad et al., 2019).

Informasi di atas merumuskan bahawa kebanyakan perbincangan mengenai Qanun Aceh sering kali dikaitkan dengan undang-undang sedia ada, tetapi tidak ditemukan pula perbincangan mengenai Qanun Aceh yang dianalisa berdasarkan praktik hukuman takzir 'Umar bin al-Khattab. Oleh itu kajian ini dijalankan bagi melihat sejauh mana kaitan Qanun Aceh dengan praktik hukuman takzir Umar sebagai Khalifah ar-Rasyidin yang begitu aktif melaksanakan hukuman takzir di masa pemerintahannya.

## Kajian Literatur

Takzir bermaksud mencegah, menolak, dan mendidik (Manshur ibn Yunus al-Bahuti 1996). Ertinya mencegah atau menolak pelaku daripada mengulangi kembali kejahatannya. Sedangkan erti mendidik adalah agar pelakunya mengubah sikap dan prilakunya (Khalil al-Mais, 1992), sekaligus menjalankan kewajiban dan mengikuti undang-undang Islam. Takzir adalah pendidikan hukum (*ta'dib*) dan maksiat (dosa) yang tidak diwajibkan padanya *hadd* dan *kaffarah* (Muhammad Fathî al-Duraini, 1994), baik perbuatan itu bersangkutan dengan hak Allah SWT, mahupun hak peribadi (Abdul Azis Dahlan, 1996). Tujuannya adalah sebagai pembaikan (*islah*), dan pencegahan (*zajr*) (Burhan al-Din Abu al-Rifa` Ibrahim ibn Farhun, 1995; Ahmad, M. H., & Baharuddin, A. S., 2022), contohnya hukuman bagi kesalahan bersetubuh melalui dubur dan semasa haid, hukuman bagi kesalahan mencuri yang tidak mencapai nisab, merampas, rasuah, ataupun mencaci orang lain. Jika kecurian barang yang tidak mencapai satu nisab, maka hukuman takzir akan dikenakan. ‘Umar pernah berkata, “tidak dipotong tangan pencuri kecuali telah mencapai seperlima Dinar” (Abu Bakr ibn Muhammad ibn Abi Syaibah, 1995). Hal ini berdasarkan hadis Rasūlullah SAW:

Terjemahan: Dipotong tangan pencuri jika mencapai seperempat Dinar ke atas.

(Abu Bakr Ahmad ibn al-Husain ibn ‘Ali al-Baihaqi, t. th.)

Menurut penilaian Ahmad ibn Hanbal (1993), pada masa Rasulullah SAW seperempat Dinar bersamaan dengan tiga Dirham, manakala satu Dinar bersamaan dengan sebelas Dirham. Jadi, pencuri yang mencuri kurang dari seperempat Dinar, maka tangannya tidak boleh dipotong. Walau bagaimanapun, ‘Umar mengubah menetapkan had minimum hukum potong tangan kepada seperlima Dinar walaupun Rasulullah saw menyebut seperempat, perubahan ini dilakukan oleh ‘Umar bertujuan untuk menghapuskan kemungkinan berlaku kesilapan dalam kiraan had minimum hukuman potong tangan yang dijalankan. Selain itu, perubahan ini juga dibuat kerana harga barang berbanding nilai Dinar pada zaman Umar adalah berbeza dan tidak sama ketika zaman Rasulullah SAW. Sebagai perbandingan, satu Dinar berdasarkan pandangan Yusuf al-Qardawi (1993) adalah bersamaan 4.25 gram emas, sedangkan satu Dirham bersamaan dengan 2.97 gram perak. Dengan demikian, berdasarkan keputusan ‘Umar dan pandangan Yusuf al-Qardawi; 4.25 gram emas x 1/5 Dinar adalah bersamaan dengan 0.85 gram emas bagi had potong tangan dalam kes pencurian.

Hukuman takzir diperakui secara ijmak sahabat dan ia meliputi seluruh perkara berkaitan maksiat selain *hudūd* dan *kaffarah*. Muhammad ‘Abdullah al-Jardani (1990) mengatakan takzir adalah “pendidikan hukum (*ta'dib*) atas dosa yang tidak ada *hadd* padanya dan tidak pula *kaffārah*”. Burhan ad-Din Abi al-Rifa' Ibrahim (1995) mengatakan bahawa takzir adalah “pendidikan hukum (*ta'dib*), perbaikan (*islāh*), dan larangan (*zajr*) atas dosa-dosa yang tidak disyariatkan untuk dijalankan *hudūd* padanya dan tidak pula *kaffārah*”. Abu Muhammad ‘Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamah (t. th.) mengatakan takzir adalah hukuman yang disyariatkan atas *jināyah* yang tidak ada *hadd* padanya seperti persetubuhan beramai-ramai terhadap hamba perempuan yang dimiliki secara bersama, persetubuhan hamba perempuan yang telah menikah, persetubuhan hamba perempuan yang dimiliki oleh anaknya, persetubuhan melalui dubur dan semasa haid, menyetubuhi wanita asing (bukan isteri) tidak melalui alat kelamin, pencurian tidak sampai nisab, ataupun pencurian barang yang tidak dijaga oleh pemiliknya, perampasan, pemerasan secara paksa, penggelapan wang negara, perbuatan kejahatan pada orang yang tidak diwajibkan dengan hukuman *hadd*, *qisās*, dan *diyat*, ataupun mencaci orang yang tidak sampai menuduhnya berzina dan sebagainya. Muhammad Fathi al-Duraini (1994) mengatakan takzir adalah “hukuman terhadap setiap kemaksiatan yang tidak diwajibkan *hadd* dan *kaffārah*”. Ensiklopedi Hukum Islam menyebutkan takzir adalah “mengenakan hukuman selain *hudūd* dan *kaffārah* kepada pelaku perbuatan jenayah, sama ada perbuatan itu bersangkutan hak Allāh SWT, ataupun hak peribadi seseorang (Abdul Azis Dahlan, 1996)”. Dengan demikian, takzir adalah hukuman yang dikenakan bagi pelaku dosa selain hukuman yang telah disyariatkan oleh Allah SWT, sama ada dari sudut jumlahnya mahupun bentuknya seperti yang terdapat pada *hudūd* dan *kaffārah*.

Hukuman takzir tidak ditentukan bentuk, jenis, dan jumlahnya oleh syarak. Syariat tidak menjelaskan secara terperinci mengenai kadar hukuman takzir sama ada dari sudut hukuman paling ringan sehingga paling berat. Untuk menentukan hal tersebut, syarak telah menyerahkannya kepada ijtihad imam (pemimpin) setelah mempertimbangkan kemaslahatan orang yang dihukum, persekitaran yang

mempengaruhinya dan tujuan yang hendak dicapai dalam pelaksanaan hukuman tersebut. Menurut Ahmad Hanafi (t. th.), pelaksanaan takzir mempunyai dua bentuk, iaitu takzir yang ditetapkan syara' dan takzir yang ditetapkan oleh penguasa. Pertama, takzir yang ditetapkan oleh syarak dalam bentuk maksiat adalah dilarang selama-lamanya dengan ia tidak mungkin akan menjadi perbuatan yang diharuskan di masa hadapan. Kedua, takzir yang ditentukan oleh pihak berkuasa, namun ia boleh menjadi perbuatan yang tidak dilarang apabila melibatkan kepentingan masyarakat yang memerlukannya. Pelaksanaan takzir oleh pemerintah ke atas rakyatnya adalah bertujuan untuk membolehkan mereka mengatur masyarakat dan menjaga kepentingan umum serta mampu menangani dengan sebaik-baiknya situasi yang berlaku secara mendadak (Ahmad Hanafi, t. th.). Untuk itu, urusan takzir diserahkan kepada *imām* disebabkan dia bertanggungjawab untuk memelihara hak-hak masyarakat.

Undang-undang dan peraturan-peraturan merupakan asas dalam penetapan takzir kerana ia mengandungi perbuatan yang boleh dilakukan dan tidak boleh dilakukan oleh masyarakat (Sa'id Hawa, 1993). Terdapat perbuatan kejahatan yang telah ditentukan syarak sebagai haram untuk selama-lamanya sehingga ia tidak boleh diubah menjadi sesuatu yang *mubāh* pada masa apapun. Namun terdapat juga sesuatu yang haram berdasarkan ketetapan sultan (*ulū al-amr*) pada satu waktu, manakala pada waktu lain ia menjadi sesuatu yang *mubāh* jika ia bersangkutan dengan kemaslahatan umum ('Abd al-Qadir al-'Audah, t. th.). Siapakah termasuk dalam *ulū al-amr* yang boleh membuat ketetapan tersebut? Al-Tabarī menafsirkan *ulū al-amr* sebagai '*Umarā'*, '*ulamā'*, '*fuqahā'*, sahabat-sahabat Nabi SAW dan *Khilāfah ar-Rāsyidah* (Abu Ja'far Muhammad ibn Jarir at-Tabari, t. th.). Bahkan, dalam *Hāsiyah as-Sāwī 'an Tafsi'r al-Jalālain* disebutkan juga bahawa *ulū al-amr* adalah *Khulafā' ar-Rāsyidīn* dan pemimpin-pemimpin mujtahid, dan para hakim (Sidiqi Muhammad Jamil, 2002). Al-Maragi (t. th.) menafsirkan *ulū al-amr* sebagai '*Umarā'*, hakim, '*ulamā'*, pemimpin tentara dan seluruh pemimpin dan tokoh yang menumpukan kepada keperluan dan kemaslahatan umum. Mereka wajib ditaati selagi mana mereka menjaga keselamatan awam serta tidak berlawanan dengan perintah Allah SWT dan sunnah Rasul-Nya.

Dalam *Fath al-Bārī* disebutkan bahawa 'Umar adalah orang pertama yang melaksanakan hukuman pukul dengan menggunakan sebatan bagi pelaku maksiat (Ahmad ibn 'Ali ibn Hajar al-'Asqalani, 1987). Ketika peristiwa pelaksanaan hukuman terhadap Qudamah ibn Maz'n yang meminum arak, 'Umar berkata, "berikan kepada saya rotan!" Lalu, pembantunya yang bernama al-Aslam mengambil satu rotan yang kecil dan sangat halus. Kemudian, 'Umar menerima dan mengusap-usap rotan itu dengan tangannya. 'Umar berkata kepada al-Aslam, "Saya bertanya kepadamu, apakah kerana dia adalah daripada kaummu sehingga engkau mengambil rotan yang kecil begini? Ambillah rotan yang lain!" Lalu, al-Aslam pun mengambil rotan yang sesuai dengan permintaannya. Kemudian 'Umar memerintahkan supaya Qudamah dihukum sebat (Abū Muhammad 'Abdullāh ibn Ahmad ibn Muhammad ibn Qudāmah, t. th.). Di sini terlihat rotan yang digunakan oleh 'Umar tidak kecil dan tidak halus agar ia dapat memberikan rasa sakit pada tubuh. Pada peristiwa lain 'Umar diberikan rotan ketika akan menghukum seseorang, tetapi ia menolak dan berkata, "ambilkan rotan yang lebih keras dari ini!" Lalu, diberikan kepadanya rotan yang tidak tebal dan tidak pula halus, lalu 'Umar berkata, "Sekarang sebatlah dia, tetapi jangan sampai kelihatan ketiakmu dan berikan hak pada setiap anggota tubuh!" (Abu Muhammad 'Ali ibn Ahmad ibn Sa'id Hazm, t. th.). Hal yang sama juga terjadi ketika 'Umar menyerahkan seorang lelaki untuk dihukum sebatan oleh Muti' ibn al-Aswad. Ketika beliau melalui rumah Muti' pada keesokan harinya, 'Umar melihat Muti' memukul dengan pukulan yang sangat keras. 'Umar bertanya, "berapa kali kamu telah menyebatnya?" Dia menjawab, "baru enam puluh kali!". 'Umar berkata, "Potong hukuman yang berbaki dua puluh kali lagi itu!" (Ahmad ibn 'Ali ibn Hajar al-'Asqalani, 1987). Kisah di atas dapat memberikan informasi bahawa hukuman sebatan tidak boleh melebihi dari ketentuan hadnya, iaitu tidak sehingga terbuka ketiak ketika memukul. Bahkan kerana sangat kuat pukulan yang dilakukan Muti', hukuman asal 80 kali pukulan telah dipotong oleh 'Umar (sudah termasuk) menjadi 60 kali sebagai pengganti dari kuatnya pukulan tersebut.

Suatu ketika 'Umar pernah berkata kepada Abu Musa al-Asy'ari ketika beliau mengutusnyanya ke Basrah, "jauhkan rotan dan tongkat pemukul dari dirimu, jauhkan dirimu dari kedua perkara tersebut sehingga orang mengatakan kepadamu, "lembut, tetapi tidak lemah. Pergunakanlah kedua perkara tersebut sehingga orang mengatakan kepadamu, "tegas, tetapi tidak zalim!" (Muhammad Rawwas Qal'ahjih, 1981). Anas ibn Mālik pernah berkata, "pada zaman 'Umar, simpul pada hujung rotan dipecahkan dengan dua batu sehingga menjadi lembut ketika dipukul". Pada saat yang lain pula, 'Umar pernah menghadapi seorang wanita pengembala yang telah berzina dengan berkata, "celaka sekali, dia sudah menghilangkan

kecantikannya. Sekarang pergilah kalian berdua (perintah kepada dua orang tukang pemukulnya) kepada wanita itu dan pukullah dia! Namun, jangan sampai kalian mengelupaskan kulitnya!” (Muhammad Rawwas Qal‘ahjih, 1981). Dengan demikian, pada zaman ‘Umar hukuman sebatan yang dilakukan ke atas pesalah hendaklah memenuhi syarat-syarat, iaitu saiz rotan yang sederhana saja (tidak halus dan tidak tebal), pukulan hendaklah tidak melebihi batas sehingga terlihat ketiak dan sasaran pukulan adalah kulit.

### ***Pelaksanaan Takzir oleh ‘Umar bin Al-Khattab***

‘Umar ibn al-Khattab ialah khalifah kedua daripada *Khilafah al-Rashidah*. Beliau telah berjaya meluaskan wilayah kekuasaan kaum Muslimin sehingga menjangkau Iraq, Mesir, Palestin, Syria, dan seluruh Jazirah Arab. Peluasan wilayah ini telah menyebabkan berlakunya asimilasi penduduk di antara negara-negara tersebut sehingga menyebabkan terjadinya perbezaan undang-undang (Sulaiman Muhammad al-Thamawi, 1976). Keadaan ini memaksa ‘Umar untuk bersikap proaktif dalam berijtihad terhadap hukum baru (*tatbiqi*) sehingga hasil ijtihadnya ini telah dikumpulkan oleh para sarjana Islam dan dinamakan sebagai *Fiqh ‘Umar* (R Ruhaili, t. th.). Salah satu sudut *fiqh ‘Umar* yang seharusnya diperbincangkan adalah berkaitan persoalan takzir.

Gambaran sejarah takzir ‘Umar dapat dilihat pada tiga corak, iaitu hukuman fizikal, penyitaan harta-benda dan kematian.

1. Hukuman fizikal dengan cara mewujudkan keadaan tidak selesa atau rasa sakit pada tubuh badan. Hukuman ini merangkumi ancaman, sebatan, pengasingan dan penjara.

a) Ancaman: ‘Umar pernah mengancam untuk mengikat, memukul (Abu Bakr Ahmad ibn al-Husain ibn ‘Ali al-Baihaqi, t. th.) dan memenjarakan seseorang (Abu Bakr ‘Abdullah ibn Muhammad ibn Abi Syaibah, 1995). Terdapat juga kes, ketika seorang lelaki telah menghina satu kelompok, lalu ‘Umar mengancam untuk memotong lidahnya (Muhammad Rawwas Qal‘ahjih, 1981). Dalam kes berkaitan penghinaan lain pula, ‘Umar pernah melempar batu kerikil ke arah kaki anak Hajib ibn Atharid sehingga berdarah kerana beliau telah melebihi ‘Umar daripada Abu Bakar dalam hal kebaikan. ‘Umar menganggap hal ini adalah isu yang tidak benar. Anak kepada Hajib ibn ‘Atharid itu ialah Lubaid yang pernah kentut sehingga didengari oleh orang lain, lalu dia telah didenda sebanyak 10,000 dirham. Menurut Qal‘ahjih (t. th.), ancaman akan berhasil jika memenuhi syarat-syaratnya. Pertama, ancaman itu berasal daripada orang yang berkuasa. Kedua, ancaman itu disangka kuat akan terjadi. Ketiga, ancaman itu dapat mendatangkan kesengsaraan dan bencana. Ketiga-tiga syarat ancaman itu telah dipenuhi dalam diri Khalifah ‘Umar bin Al-Khattab.

b) Sebatan: Ibn Hajar dalam *Fath al-Bari* menyebutkan bahawa ‘Umar ialah orang pertama yang melaksanakan hukuman sebat terhadap pelaku maksiat (Ahmad ibn ‘Ali ibn Hajar Al-‘Asqalani, 1987). Ketika Qudamah ibn Maz‘un akan dihukum sebat kerana minum arak, ‘Umar meminta sebatang rotan. Tetapi Aslam (pembantu ‘Umar) memberikan sebatang rotan yang kecil dan sangat halus, tetapi ‘Umar menolak dan minta dicarikan rotan yang lebih besar lagi. Lalu, Qudamah pun dihukum sebat (Abu Muhammad ‘Abdullah ibn Ahmad ibn Muhammad ibn Qudamah, t. th.). Menurut Umar, posisi penyebat tidak boleh sehingga terlihat ketiaknya dan setiap anggota tubuh haruslah mendapat giliran sebatan (Abu Muhammad ‘Ali ibn Ahmad ibn Sa‘id ibn Hazm, t. th.), iaitu tidak boleh disebat pada anggota yang sama berulang kali. Dalam satu peristiwa lain, Muthi ibn al-Aswad telah menyebat seseorang sebanyak empat puluh kali daripada keseluruhan lapan puluh kali dengan sangat keras. Lalu ‘Umar meminta empat puluh kali yang berbaki dipotong menjadi hanya dua puluh kali lagi (al-‘Asqalani, 1987).

c) Pengasingan: Hukuman pengasingan terbahagi kepada dua bentuk, iaitu pembuangan ke tempat daerah terpencil atau penjara (Al-‘Audah, 1968). ‘Umar pernah membuang daerah pesalah dari Madinah ke Bashrah, Khaibar, dan Fudak (Abu Bakr ‘Abdullah ibn Muhammad ibn Abi Syaibah, 1995). Misalnya, Abu Dzuaib dan Nasar ibn Hujjaj pernah diasingkan ke kota Basrah kerana terlalu bergaya di hadapan wanita-wanita. Supaya tidak

mendatangkan fitnah, selain itu 'Umar turut menggondolkan kepala Nasar ibn Hujjaj, sedangkan wanita yang mabuk cinta dengan Nasar dipukul dengan tongkat kecil (Abu Muhammad ibn 'Abdullah ibn Muslim, t. th.). Hal yang sama terjadi pada kes Umayyah ibn Yazid al-'Asad dan Mazinah kerana perbuatan menimbun-nimbun harta sehingga dihukum buang daerah. Ja'dah ibn Salim sering membicarakan aib orang lain dengan janda-janda di Baqi', lalu dia juga dibuang daerah. Sebelum dibuang, Ja'dah turut disebat sebanyak 100 kali (al-'Asqalani, 1987). Hukuman berat juga pernah diberikan kepada 'Abdullah ibn Sabaq al-Tamimi, iaitu seorang pelaku *bid'ah*. Kakinya dipukul hingga mengeluarkan darah, kemudian dia diasingkan ke Basrah. Selain itu, buku-bukunya juga turut dibakar dan tidak ada siapa pun boleh berbicara dan menemaninya. Beberapa waktu berselang, Abu Musa al-Asy'ari melaporkan bahawa Ibnu Sabaq sudah mengubah sikap dan pendapatnya, lalu 'Umar mengizinkan mereka kembali berhubungan dan menemuinya (Abu al-Farj 'Abd al-Rahman ibn 'Ali ibn Muhammad ibn Al-Jauzi, t. th.).

Akhirnya, hukuman pengasingan ini dihentikan oleh 'Umar ketika terjadi musibah dengan murtadnya orang yang diasingkan di daerah pembuangan. Rabi'ah ibn Umayyah ibn Khalaf bertemu dengan seorang Nasrani bernama Harqal (Romawi) semasa di pengasingan. Rabi'ah tergoda dengan ajakannya dan meninggal dunia dalam keadaan murtad. Umar berkata: "Saya tidak akan mengasingkan lagi seorang Muslim setelah dia" (Abu Muhammad 'Ali ibn Ahmad ibn Sa'id ibn Hazm, 1983).

d) Penjara: Semasa zaman pemerintahannya, 'Umar pernah membeli sebidang tanah milik Safwan ibn Umayyah dengan harga empat ribu Dirham untuk dijadikan penjara (Qal'ahjih, 1981). 'Umar juga pernah memenjarakan Mu'an ibn Zaidah kerana memalsukan cop baitulmal untuk mengambil harta di dalamnya (Hazm, t. th.). Umar juga turut pernah memenjarakan seseorang kerana menjadi saksi palsu (Qal'ahjih, 1981). Bahkan, 'Umar merancang untuk memenjarakan orang murtad supaya mereka kembali bertaubat (Hazm, 1983).

## 2. Hukuman atas harta, ia merangkumi penyitaan dan pemusnahan harta.

a) Penyitaan harta atau ganti rugi: Beberapa orang hamba sahaya milik 'Abd al-Rahman ibn Hatib ibn Abi Balta'ah telah ditangkap kerana mencuri seekor unta dan menyembelihnya. Setelah diketahui bahawa hamba sahaya 'Abd al-Rahman melakukannya kerana kelaparan, maka 'Umar tidak memotong tangan mereka. Malah sebaliknya, Umar menetapkan denda lapan ratus dirham kepada 'Abd al-Rahman sebagai ganti rugi unta orang lain yang disembelih oleh hamba-hambanya (Hazm, 1983). 'Umar pernah menyita harta milik orang kaya yang enggan berzakat dan memberikannya kepada salah satu asnaf (Abu Bakr 'Abdullah ibn Muhammad ibn Abi Syaibah, 1995). 'Umar juga pernah membuang susu yang dicampur dengan air sehingga ia menjadi tidak asli lagi (Burhan al-Din Abu al-Rifa' Ibrahim ibn Farhun, 1995). Bahkan, 'Umar juga pernah menyita harta pengemis kerana meminta-minta untuk menimbun hartanya (Burhan al-Din Abu al-Rifa' Ibrahim ibn Farhun, 1995).

b) Pemusnahan harta: 'Umar pernah mengarahkan agar minuman keras dibuang, mengusir haiwan ternak milik peminumnya, dan dia tidak lagi diberikan perlindungan oleh pemerintah (Qal'ahjih, 1981). Di daerah Saqif, pemilik minuman keras pernah disebat dan kedainya dibakar atas arahan 'Umar. Beliau juga turut menggantikan nama pemiliknya, iaitu *Ruwaisiyid* (orang yang mendapat petunjuk) kepada *Fuwaisiq* (orang fasik) (Qal'ahjih, 1981). 'Umar melihat seorang lelaki yang mencampurkan susu dengan air lalu menjualnya, maka 'Umar menumpahkan susu tersebut (Nashr ibn 'Aqil ibn Jar al-Tharifi, 1984). 'Umar pernah menyuruh untuk menebang satu pohon yang Rasulullah SAW pernah melakukan bai'ah di bawah pohon tersebut, iaitu *Bai'ah al-Ridwān* kerana orang ramai mulai solat di pohon tersebut dengan anggapan ia memiliki berkat. Bahkan, 'Umar pernah mengancam akan membunuh mereka yang bersolat di situ sebagaimana pembunuhan orang yang murtad (Sulaiman Muhammad al-Thamawi, 1976).

### 3. Kematian.

‘Umar pernah mengarahkan untuk membunuh penyihir lelaki dan penyihir perempuan. Jaza` ibn Mu`awiyah telah melaporkan bahawa mereka telah membunuh tiga orang penyihir saat itu (Abu Bakr `Abdullah ibn Muhammad ibn Abi Syaibah, 1995). Pada masa lain, ‘Umar pernah menangkap seorang tukang sihir dan menanamnya ke dalam tanah sehingga ke paras dadanya. Penyihir itu ditinggalkan begitu saja sehingga menemui ajalnya (Qal`ahjih, 1981). Selain penyihir, ‘Umar juga pernah menetapkan hukuman mati kepada seorang Muslim yang membunuh ahli kitab. ‘Umar pernah menulis surat kepada Abu Musa al-Asy‘ari tentang seorang Muslim yang membunuh seseorang ahli kitab, “jika dia seorang pencuri atau suka memerangi, maka penggal sahaja lehernya. Jika dia melakukan hal itu kerana emosinya sedang memuncak, maka perintahkan dia untuk membayar denda sebanyak empat ribu Dinar” (Qal`ahjih, 1981).

#### ***Qanun Aceh***

Masyarakat Aceh dikenali sebagai masyarakat yang sangat dekat dan fanatik dengan ajaran Islam sehingga ia telah menjadi identiti budaya dan jati diri. Masyarakat Aceh menyatukan ajaran agama ke dalam adat istiadat dan hukum adat dengan sangat mendalam sehingga ia menyatu dan bercampur sebagai mana pepatah adat Aceh menyebut: “*hukom ngoen adat lage dzat ngoen sifeut*” (Hubungan syariat dengan adat adalah ibarat hubungan zat (benda) dengan sifatnya). Ertinya, melekat dan tidak terpisah (Jamhir, 2020).

Aceh merupakan salah satu daripada wilayah di NKRI yang berstatus Daerah Istimewa (Wilayah Khas) (Darmansjah Djumala, 2013). Oleh sebab itu, Aceh memiliki hak-hak autonomi yang lebih besar terutamanya dalam bidang agama, adat, dan Pendidikan (Roichatul Aswidah Zainal Abidin, Adzkar Ahsinin & Afridal Darmi, 2011). Wilayah Aceh terletak di hujung utara Sumatera dan merupakan wilayah paling barat di Indonesia. Ibu kota Aceh ialah Banda Aceh. Jumlah penduduk wilayah ini sekitar 4.5 juta orang. Secara geografinya ia terletak berdekatan dengan Andaman dan Nicobar di India dan dipisahkan oleh Laut Andaman. Aceh berbatasan dengan Teluk Benggala di utara, Samudera Hindia di barat, Selat Melaka di timur, dan Sumatera Utara di tenggara dan Selatan (Noriah Mohammed Mohammad Nasir & Sohaimi Abdul Azis, 2019).

Data bancian tahun 2010 melaporkan jumlah penduduk Aceh adalah sebanyak 4,494,410 orang. Jumlah penduduk beragama Islam sebanyak 4,413,244 orang, diikuti Kristian 50,309 orang, Buddha 7,062 orang, Katolik 3,315 orang, Hindu 136 orang, dan Khong Hu Cu 36 orang (Aceh, t. th.). Jumlah penduduk beragama Islam yang besar memungkinkan Aceh mentadbir sendiri wilayahnya. Sejak dahulu lagi Aceh telah menjadi pusat penyebaran Islam di Asia Tenggara yang ditadbir oleh kerajaan Islam pertama, iaitu Samudera Pasai yang menggunakan syariat Islam sebagai undang-undang kerajaan (Tim Direktorat Jenderal Pendidikan Islam Kementerian Agama RI, 2018). Sejarah ini telah menjadi tradisi dalam kalangan tokoh dan masyarakat Aceh sekian lama sehingga ia dianggap sebagai ancaman ketika zaman penjajahan Belanda dan Perjuangan Kemerdekaan Republik Indonesia. Disebabkan itulah Aceh digelar sebagai “*Serambi Mekah*” (Arskal Salim & Adlin Sila, 2010).

Setelah perjuangan yang sangat panjang, akhirnya Aceh memperolehi pengiktirafan status Daerah Istimewa. Dengan status ini, hak autonomi menjadi lebih besar dalam mengatur politik, agama dan pendidikan dibandingkan dengan daerah lain. Salah satu keistimewaan tersebut, Pemerintah Aceh dan Dewan Perwakilan Rakyat Aceh (DPRA) telah meluluskan Qanun Aceh Nomor 6 Tahun 2014 tentang Undang-Undang Jinayat (Qanun Jinayat) dan mula berkuatkuasa pada 23 Oktober 2015. Qanun ini hanya membenarkan penggunaan hukuman fizikal di wilayah Aceh. Tujuannya untuk memelihara toleransi beragama, melindungi jiwa/keselamatan, melindungi anak, dan melindungi akal. Selain itu, ia juga bertujuan menegakkan keadilan dan keseimbangan, kemaslahatan bersama, perlindungan hak asasi manusia dan pembelajaran kepada masyarakat (*tadabbur*) (Murizal Hamzah Sulaiman Tripa, 2019).



Menurut data Unit Perkhidmatan Awam Qanun Aceh tahun 2019-2022, laporan kesalahan Pelanggaran Qanun No 6 Tahun 2014 dinyatakan dalam jadual 1 berikut:

No	Pelanggaran Qanun No 6 Tahun 2014	Qanun	Tahun	Jumlah Kesalahan
1	Pasal 25 Ayat 1 Tahun 2014	Ikhtilat	2019	25
2	Pasal 16 ayat 2	Khamar	2019	12
3	Pasal 18 dan Pasal 19	Maisir	2019	4
4	Pasal 23 Ayat 1 Tahun 2014	Khalwat	2019	8
5	Pasal 25 Ayat 1 Tahun 2014	Ikhtilat	2020	26
6	Pasal 25 Ayat 1 Tahun 2014	Ikhtilat	2021	50
7	Pasal 15 ayat 1 dan Pasal 16 ayat 2	Khamar	2021	9
8	Pasal 23 Ayat 1 Tahun 2014	Khalwat	2021	6
9	Pasal 15 ayat 1 dan Pasal 16 ayat 2	Khamar	2022	5
10	Pasal 23 ayat (1)	Khalwat	2022	5
11	Pasal 25 ayat (1)	Ikhtilat	2022	22

**Jadual 1.** Data Unit Perkhidmatan Awam Qanun Aceh 2019-2022 (Satuan Polisi Pamong Praja & Wilayatul Hisbah Aceh, 2023)

Namun, sumber yang lain mengatakan bahawa hanya sekitar 180 pesalah sahaja yang dihukum sebatan di sekitar Aceh. Hukuman sebatan sebagai salah satu hukuman takzir memiliki ciri yang berbeza mengikut daerah atau negara. Dalam Hukum Syariat Islam Aceh, kaedah hukuman dan alat sebatan hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut (Qanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Nomor 13 tahun 2003):

1. Tahanan dalam keadaan sihat.
2. Pelaksananya adalah Wilayatul Hisbah yang diangkat oleh pendakwa raya.
3. Rotan yang digunakan ialah dengan diameter 0.75 cm sehingga 1 cm.
4. Jarak penyebat dengan tahanan sekitar 70 cm.
5. Jarak penyebat dengan saksi minimum 10 meter.
6. Hukuman sebatan akan dihentikan jika ia menimbulkan luka, serta atas nasihat doktor, ataupun tahanan melarikan diri.
7. Hukuman sebat akan disambung setelah tahanan sihat kembali atau setelah tahanan menyerah diri atau tertangkap.

Hukuman sebat dalam takzir pada kes Qanun Aceh lebih menarik perhatian banyak pihak kerana ia dapat disaksikan orang ramai dan media massa. Sedangkan hukuman penjara, penyitaan harta atau denda kurang didedahkan kepada umum yang menyebabkan ia kurang diikuti oleh media massa untuk melaporkannya.

## Metodologi

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian dokumentar (*documentary research*). Sumber data dibahagi kepada dua kategori, iaitu sumber primer dan sumber sekunder.

1. Sumber data primer terdiri daripada Qanun-Qanun Aceh sebagai berikut:
  - i. Qanun Nomor 11 tahun 2002 tentang Pelaksanaan Syariat Islam Bidang Aqidah, Ibadah, dan Syiar Islam.
  - ii. Qanun Nomor 12 tahun 2003 tentang minum *khamar*.
  - iii. Qanun Nomor 13 tahun 2003 tentang *maysir* (perjudian).
  - iv. Qanun Nomor 14 tahun 2003 tentang khalwat.
  - v. Qanun Nomor 6 tahun 2014 tentang hukum jinayat. Qanun-Qanun ini akan dianalisis dasar penyusunan Qanun dan hukuman-hukuman yang dikenakan bagi pesalah jenayah takzir.

2. Sumber data sekunder adalah tulisan-tulisan para pakar yang berkenaan dengan pembahasan Qanun Aceh di antaranya, artikel jurnal, buku, laman sesawang dan lain-lain.

Seluruh dokumen di atas akan dianalisis secara perbandingan dengan praktik hukuman takzir ‘Umar bin al-Khattab yang pernah ditulis dalam rujukan kitab fuqaha terdahulu. Hasil analisis kemudiannya akan memperlihatkan hubungan, modifikasi, dan perbandingan antara hukuman takzir Qanun Aceh dengan hukuman takzir ‘Umar bin al-Khattab.

### Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis kandungan terhadap pengenalan dalam Qanun Aceh, didapati bahawa pengambilan hukum takzir adalah bersumberkan daripada al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Namun begitu, pada pengenalan Qanun yang lain, turut ditambah dengan bersumberkan daripada kaedah ilmu *usūl al-fiqh* (Nyak Fadhlullah, 2017). Idea bagi pelaksanaan takzir dalam Qanun Aceh mempunyai hubungannya dengan amalan takzir ‘Umar, tetapi Qanun Aceh telah mengubah suai agar lebih selari dengan keperluan setempat serta dapat membataskannya daripada sistem undang-undang persekutuan yang lebih tinggi.

Qanun Aceh didapati lebih terkehadapan dalam memelihara nilai kemanusiaan, semangat nilai undang-undang 1945 dan peraturan yang ada dalam Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI). Tanggapan radikalisme dan ekstrimisme sangat dihindarkan daripada berlaku, serta dalam masa yang sama ia turut mengutamakan pendidikan dan perubahan tingkah laku pelaku kejahatan.

Qanun Aceh didapati cuba melaksanakan takzir secara rasmi dan bertulis. Namun proses keabsahan pelaksanaan ini memakan waktu yang panjang disebabkan pengadilan di NKRI kebanyakannya berpandukan kepada Kitab Undang-undang Hukum Pidana (KHUP) yang merupakan produk tinggalan kolonial Belanda. Akhirnya pada tahun 2002, keabsahan pelaksanaan takzir ini telah dapat diperolehi.

Berdasarkan Qanun Wilayah Aceh Nomor 10 Tahun 2002 tentang penjelasan Peradilan Syariat Islam, Pasal 49, Huruf C menyebutkan bahawa rangkuman hukuman takzir adalah meliputi maisir (perjudian), penipuan, pemalsuan, khalwat, dan meninggalkan solat fardu dan puasa Ramadan (Qanun Provinsi Aceh Nomor 10 Tahun 2002). Qanun Aceh Nomor 11 Tahun 2002 turut menambah bahawa penyebaran fahaman agama sesat sebagai salah satu Jenayah Syarak.

Qanun Aceh Nomor 6 tahun 2014 tentang hukuman jinayat menjelaskan bahawa hukuman takzir dibahagikan kepada dua, iaitu:

1. ‘Uqubat Takzir Utama: terdiri daripada sebatan, denda, penjara, dan ganti rugi.
2. ‘Uqubat Takzir Tambahan: terdiri daripada bimbingan oleh negara, ganti kerugian oleh orang tua/wali, pengembalian kepada orang tua/wali, pemutusan perkawinan, penarikan semula keizinan, pencabutan hak, rampasan barang-barang tertentu dan kerja sosial. ‘Uqubat Takzir Tambahan boleh dijatuhkan oleh hakim ke atas pesalah atas pertimbangan tertentu.

Qanun Aceh Nomor 11 Tahun 2002 secara terperinci menghuraikan hukuman takzir bahawa:

1. Penyebar fahaman agama sesat boleh dihukum penjara untuk tempoh maksimum dua tahun atau hukuman sebatan di hadapan umum sebanyak 12 kali. Hukuman ini tertulis pada Qanun Propinsi Aceh Bab VIII pasal 20 ayat 1.
2. Murtad, menghina dan memperlekehkan agama Islam boleh dihukum dengan hukuman yang boleh dikawal selia dalam Qanun tersendiri (Bab VIII pasal 20 ayat 2).
3. Meninggalkan solat Jumaat sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa uzur Syarie boleh dipenjara maksimum enam bulan atau disebat di hadapan umum dengan kadar maksimum tiga kali sebatan (Bab VIII pasal 21 ayat 1).

4. Perusahaan yang tidak memberikan ruang kepada pekerja untuk melaksanakan solat fardu boleh dihukum takzir dengan pembatalan lesen perniagaan (Bab VIII pasal 21 ayat 2).
5. Pengusaha yang memberikan peluang kepada Muslim yang tidak memiliki uzur Syarie untuk tidak berpuasa pada siang Ramadan boleh dipenjara maksimum setahun atau denda maksimum tiga juta Rupiah, atau disebat di hadapan umum paling banyak enam kali dan dibatalkan lesen perniagaan (Bab VIII pasal 22 ayat 1).
6. Seseorang yang makan dan minum di siang hari Ramadan di tempat/ depan umum boleh dipenjara maksimum empat bulan atau disebat maksimum dua kali sebatan (Bab VIII pasal 22 ayat 2).
7. Seseorang yang tidak berpakaian sesuai dengan Islam boleh dihukum dengan hukuman takzir setelah melalui proses peringatan dan pengajaran oleh Wilayahul Hisbah (Bab VIII pasal 23 ayat 1).

Selanjutnya, berdasarkan Peraturan Gubernur Aceh Nomor 10 Tahun 2005 tentang kaedah teknikal bagi pelaksanaan uqubat sebatan ditetapkan dengan:

1. Pelaksana yang menjalankan hukuman ialah Jaksa Penuntut Umum (Pendakwa Raya).
2. Penyebat ialah petugas Wilayahul Hisbah yang ditugaskan untuk melakukan sebatan atas pesalah dengan penutup wajah yang diperbuat daripada kain. Berada dalam kedudukan berdiri di sebelah kiri pesalah. Apabila penyebat tidak sanggup menyelesaikan pekerjaannya, maka sebatan akan diteruskan oleh penyebat lain.
3. Alat sebatan hendaklah diperbuat daripada rotan berdiameter 0.75 cm sehingga 1.0 cm, panjangnya satu meter, tidak mempunyai hujung berganda, dan pada pangkalnya mempunyai tempat pemegang.
4. Pesalah disebat di bahagian punggung (bahu sampai pinggul) dengan menggunakan baju nipis yang telah disediakan bagi menutup aurat. Posisi hendaklah berdiri tanpa tempat penampian bagi pesalah lelaki dan posisi duduk bagi pesalah perempuan.
5. 'Uqubat sebatan hendaklah dilaksanakan di suatu tempat terbuka yang dapat disaksikan oleh orang ramai dengan dihadiri oleh jaksa (pendakwa raya) dan doktor.
6. Tempat sebatan hendaklah dapat disaksikan oleh orang ramai, berada di atas pentas yang berukuran minimum 3x3 meter. Jarak antara penyebat dengan orang ramai hendaklah sekurang-kurangnya 10 meter.
7. Sebelum melaksanakan sebatan, pesalah hendaklah diperiksa oleh doktor tentang tahap kesihatannya. Apabila keadaan kesihatan pesalah adalah tidak layak untuk menjalani 'uqubat sebatan, maka pelaksanaan sebatan hendaklah ditunda sehingga pesalah disahkan sihat untuk menjalani 'uqubat sebatan.
8. Apabila diperlukan, sebelum pelaksanaan sebatan kepada pesalah, bimbingan rohani singkat hendaklah diberikan oleh seorang ulama atas permintaan pendakwa raya atau pesalah sendiri.
9. Pendakwa Raya hendaklah menghadirkan pesalah ke tempat pelaksanaan sebatan dengan terlebih dahulu memberitahukan kepada keluarganya.

Dengan aturan ini, Qanun Aceh didapati telah mengguna pakai takzir 'Umar, tetapi dengan pengurangan jumlah sebatan dan perbezaan kualiti alat sebatan yang digunakan. Jumlah minimum sebatan 'Umar adalah 40 hingga 80 kali sebatan dan alat sebatan yang digunakan adalah dari jenis cemeti atau tongkat. Sementara itu, sebatan Qanun Aceh minimum berjumlah dua hingga enam kali sebatan, sedangkan alat

sebatan yang digunakan adalah rotan dengan panjang 0.75 cm hingga 1 meter. Selain itu, hukuman takzir ‘Umar yang paling berat adalah kematian, tetapi Qanun Aceh tidak mempraktikkannya.

Bentuk dan jenis takzir adalah berbeza antara takzir ‘Umar dan takzir Qanun Aceh, hal ini adalah wajar disebabkan kedua-dua takzir ini dipraktikkan dalam zaman yang berbeza. Pada zaman ‘Umar belum wujud pasukan kesihatan seperti hari ini untuk memantau kesihatan pesalah yang dihukum agar tidak berlaku komplikasi lain yang mungkin menyebabkan kematian terhadap pesalah. Namun pada zaman Qanun Aceh, jika berlaku hal-hal yang tidak diinginkan ketika hukuman dijalankan, pasukan perubatan telah bersiap sedia untuk memberikan rawatan kecemasan.

Amalan menasihati pelaku jenayah takzir telah dilakukan oleh ‘Umar dan hal yang sama juga dilakukan Qanun Aceh dengan cara menyediakan ahli agama di sampingnya sebagai penasihat. Selain itu, akibat kegagalan hukuman pembuangan daerah atau negeri, takzir ‘Umar telah menghentikan hukuman dan digantikan dengan hukuman penjara. Namun begitu, Qanun Aceh tidak pernah melaksanakan hukuman pembuangan daerah atau negeri, melainkan lebih kepada hukuman penjara dan sebatan sahaja.

Dalam Qanun 6 Tahun 2014 tentang jinayat dikatakan bahawa alasan diberikan hukuman dua bulan penjara adalah bersamaan dengan satu kali sebatan atau denda Rp.500,000. Alasan pertimbangan ini diguna pakai kerana menyamakan 100 kali sebatan sebagai hukuman tertinggi di dalam al-Quran dengan penjara 200 bulan (16 tahun 8 bulan) sebagai hukuman penjara tertinggi dalam KUHP atau dengan Rp.100,000,000, iaitu taksiran harga untuk 100 ekor anak lembu dan hukuman diat untuk pembunuhan dengan tidak sengaja. Sementara itu, hukuman denda pula disamakan dengan denda berat 100 ekor unta dewasa kerana ia dianggap sama dengan nilai 1,000 dinar emas, lebih kurang bersamaan dengan 4,200 gram emas pada masa sekarang. Dengan demikian, sekali hukuman sebatan adalah sama dengan penjara bagi tempoh satu bulan atau denda 20 gram emas. Dengan mempertimbangkan kondisi ekonomi Aceh, penetapan denda dengan menggunakan emas dalam jumlah yang besar terasa sangat memberatkan. Oleh kerana itu, jumlah hukuman denda telah diturunkan sehingga 50% daripada penetapan asal. Dengan demikian, ditetapkan persamaan baharu bahawa sekali sebatan adalah setara dengan satu bulan penjara, atau setara dengan denda sebanyak 10gram emas (Qanun Aceh, 2014).

## Perbincangan

Pertanyaan yang dilontarkan pada awal makalah ini adalah bagaimanakah hubungan antara takzir ‘Umar dengan takzir Qanun Aceh? Bagi menjawab persoalan ini, Qanun Aceh menyebutkan bahawa sumber pengambilan undang-undangnya adalah berdasarkan al-Quran dan Sunnah. Namun menurut Nyak Fadhlullah (2017), praktik hukuman oleh Khulafa’ ar-Rasyidin juga dijadikan sumber dalam Qanun Aceh. Misalnya, hukuman terhadap pelaku kejahatan khalwat diambil daripada pelaksanaan hukuman di zaman masa Khulafa’ al-Rasyidin.

Sejarah juga menunjukkan bahawa Khalifah pertama yang melaksanakan hukuman sebatan dalam Islam adalah ‘Umar bin Khattab (Al-`Asqalani, 1987) dan alat sebatan itu berbentuk cemeti atau tongkat (Sulaiman Muhammad al-Thamawi, 1976). Sehingga ke hari ini, hukuman sebatan tersebut diikuti oleh kerajaan dan pemerintahan Islam, termasuk Qanun Aceh. Dengan demikian, tidak dapat dimungkiri lagi bahawa sumber pengambilan hukuman takzir Qanun Aceh diambil daripada takzir ‘Umar.

Hukuman penjara di zaman Khalifah ‘Umar dilaksanakan terhadap pelaku jenayah takzir, seperti mencuri sesuatu yang tidak cukup nisab had potong tangan, pemalsuan cop, dan saksi palsu. Sementara hukuman penjara dalam Qanun Aceh dilakukan sebagai hukuman tambahan bagi pelaku jenayah hudud atau denda yang dikenakan. Misalnya, tambahan hukuman takzir bagi pelaku zina yang berulang, maka didenda maksimum 120 gram emas asli atau penjara maksimum 12 bulan (Fadhlullah, 2017). Jika berzina dengan kanak-kanak bawah umur, disebat 100 kali dan ditambah hukuman takzir sebatan 100 kali lagi atau denda 1000 gram emas asli atau penjara maksimum 100 bulan. Jika berzina dengan mahram, disebat 100 kali sebatan dan ditambah takzir denda 100 gram emas asli atau penjara 10 bulan (Qanun Nomor 6 tahun 2014). Kaedah pertukaran hukuman sebatan kepada penjara adalah berdasarkan pertimbangan bahawa 1 kali sebatan bersamaan dengan 1 bulan penjara atau 10 gram emas asli.

### *Adaptasi takzir 'Umar dalam Qanun Aceh*

Daripada lapan Qanun Aceh, terdapat empat Qanun berkaitan takzir yang dikuat kuasakan (Mahkamah Agung RI, 2024), iaitu:

1. Qanun Nomor 11 tahun 2002 tentang Pelaksanaan Syariat Islam Bidang Aqidah, Ibadah, dan Syiar Islam.
2. Qanun Nomor 12 tahun 2003 tentang minum khamar.
3. Qanun Nomor 14 tahun 2003 tentang khalwat.
4. Qanun Nomor 6 tahun 2014 tentang hukum jinayat.

Jika dianalisis mukadimah Qanun-Qanun tersebut, kesemuanya mengacu kepada al-Quran dan hadis, kemudian undang-undang sedia ada. Ertinya, Qanun-Qanun Aceh disusun berdasarkan al-Quran, hadis, dan undang-undang sedia ada. Walaupun terdapat sumber hukum Islam lain yang disepakati seperti *ijma'* dan *qiyas*, serta yang tidak disepakati seperti *istihsan*, *masalih al-mursalah*, *sadd al-dhari'ah*, *al-urf* dan lain-lain, tidak ada disebutkan bahawa sumber-sumber syariah Islam ini diambil sebagai sumber hukumnya. Namun begitu, jika diteliti dalam isi mukadimah Qanun ini, ia turut memasukkan hasil ijtihad dalam bentuk kaedah fiqh. Hal ini dapat dilihat pada bab-bab dan pasal-pasal (fasal-fasal) yang menggunakan hasil ijtihad (pandangan ulama), seperti pada Qanun Nomor 14 tahun 2003 tentang khalwat yang bersandarkan kepada kaedah syar'i *al-amru bi al-shai' amrun bi wasailih* (perintah mengerjakan sesuatu bererti juga perintah mengerjakan wasilahnya) (Direktori Putusan Mahkamah Agung Republik Indonesia, Peraturan dan Perundang-Undangan, 2024). Kaedah ini merupakan salah satu kaedah *amar* (suruhan). Bahkan, diakui dalam Qanun Nomor 16 tahun 2014 bahawa selain al-Quran dan hadis, konsep fiqh dan kaedahnya juga diguna pakai untuk melengkapi Qanun-Qanun (Pancacita, 2024). Antara kaedah fiqh berkenaan takzir yang diguna pakai, seperti:

1. *Al-takzir yaduru ma'a al-mashlahah* (hukuman takzir menyesuaikan diri dengan maslahat).
2. *Al-takzir ila al-imam 'ala qadr 'azhm al-jaram wa shigharuh* (berat dan ringannya hukuman takzir itu diserahkan kepada imam (hakim) sesuai dengan besar atau kecilnya kejahatan yang dilakukan) ('Abd al-Aziz Amir, 1969).

Kaedah inilah yang menjadi bahan kajian bagi penghasilan Qanun Aceh untuk menambahkan kepelbagaian jenayah takzir dalam tradisi masyarakat Aceh. Tentunya hal ini sangat berbeza dengan lingkungan masa Khalifah 'Umar bin Al-Khattab dahulu dalam menentukan jenayah takzir. Namun begitu, semangat mencegah kejahatan di tengah masyarakat oleh Pemerintah Daerah Aceh dan khalifah 'Umar bersatu dalam memperkasakan hukuman, khususnya takzir.

Inilah sumbangan yang dijejaki dalam Qanun Aceh terhadap hukuman sebatan takzir 'Umar bin al-Khattab sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui kitab-kitab *fiqh jinayat*. Dalam membincangkan hukuman takzir, majoriti kitab-kitab *fiqh jinayat* akan merujuk kepada hukuman takzir 'Umar bin al-Khattab sebagai individu pertama yang mengasaskan hukuman takzir dengan menggunakan cemeti dan penjara. Namun, suatu kepastian bahawa budaya dan adat setempat Aceh turut menjadi pertimbangan dalam penyesuaian hukuman syariah Qanun ini dengan mengambil kira prinsip-prinsip Hak Asasi Manusia (HAM) yang membawa kepada pengurangan jumlah hukuman takzir sebatan yang dilaksanakan.

Hal ini membuktikan bahawa wujudnya hasil ijtihad dalam penetapan Qanun Aceh selain daripada sandaran kepada al-Quran dan hadis, dan ia dihasilkan melalui pemikiran dan kebijakan penguasa dalam pelaksanaan hukuman takzir yang berkisar kepada sebatan, denda, dan penjara. Dalam sejarah pelaksanaan hukuman Islam, penguasa pertama yang menerapkan hukuman sebatan dengan menggunakan rotan dan tongkat adalah 'Umar bin al-Khattab. Hal ini disebutkan oleh Muhammad Said yang pernah menulis tentang karya Nuruddin Ar-Raniry Bustanul Salatin yang banyak menceritakan tentang perjalanan tokoh-tokoh masa lalu, termasuk Khalifah 'Umar bin al-Khattab (Mohammad Said,

1991). Hukuman sebatan tidak terasa asing untuk dilaksanakan oleh masyarakat Aceh kerana semasa zaman penjajahan Belanda di Aceh, seringkali masyarakat yang melakukan kesalahan akan disebat oleh penjajah Belanda (Said, 1991).

Seterusnya hingga ke abad moden kini, pemerintah Aceh mengesahkan secara undang-undang akan penggunaan hukuman sebatan takzir dalam Qanun Aceh. Namun disebabkan kepelbagaian dasar pihak berkuasa dalam menentukan status dan bilangan takzir sebatan, maka berlaku perbezaan dalam aspek kesegeraan, tetapi tidak pada inti patinya (Misran Misran, 2021). Persoalannya adalah Qanun Aceh tidak menyatakan secara bertulis bahawa pengambilan hukuman takzir adalah berasal daripada ‘Umar bin al-Khattab, sedangkan hukuman takzir itu pertama kali diasaskan oleh ‘Umar bin al-Khattab. Hal ini disebabkan penulis-penulis dari Aceh sering kali menyebutkan bahawa praktik hukuman takzir sebatan adalah bersumberkan daripada ideologi Islamisme, tidak bertolak ansur, dan semangat bangsa Aceh (Said, 1991). Ertinya, Syariah Islam dan budaya Aceh itu dilaksanakan secara bersama melalui pengaturan oleh Sultan. Tentunya, jika dibandingkan kekhalifahan ‘Umar bin al-Khattab dengan Kesultanan Aceh, maka sejarah Khalifah ‘Umar bin al-Khattab adalah yang lebih awal, iaitu tahun 634-644M berbanding Kesultanan Aceh yang diasaskan pada tahun 1297M oleh Malikus Shaleh (Samudera Pasai) (Said, 1991). Muhammad Yani menyatakan bahawa terdapat banyak petanda yang menunjukkan kebijaksanaan ‘Umar bin al-Khattab dan Khulafa’ al-Rasyidin yang lain dalam memelihara HAM dan ia juga terkandung dalam Qanun Aceh (Muhammad Yani, t. th.). Praktik hukuman sebatan takzir ‘Umar bin al-Khattab yang terkandung dalam Qanun Aceh dapat dilihat pada jadual 2 berikut:

Hukuman Takzir	‘Umar bin Khattab	Qanun Aceh
Sebatan dan Penjara		11/2002
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. ‘Umar menyebat, mengasingkan dan membakar buku-buku ditulis oleh Sabiq (seorang penulis yang didapati bersalah menulis untuk menghancurkan akidah dan menanamkan keraguan dalam hati manusia (Qal`ahjih, 1981).</li> <li>2. ‘Umar menyebat seorang lelaki 80 kali, kemudian sebatan ditambah 20 kali lagi kerana dia minum minuman keras di bulan Ramadhan (Abu Bakr `Abdullah ibn Muhammad ibn Abi Syaibah, 1995).</li> <li>3. Menyebat 80 kali dan dibuang ke Syam kerana meminum minuman keras di bulan Ramadhan (Baihaqi, 1983).</li> <li>4. ‘Umar pernah membeli rumah milik Shafwan bin Umayyah untuk dijadikan penjara di Makkah (Abu Bakr `Abdullah ibn Muhammad ibn Abi Syaibah, 1995).</li> <li>5. ‘Umar memenjarakan saksi palsu dan menyebatnya 40 kali, diconteng mukanya, dipotong rambutnya, dan diarak keliling Madinah. Begitu juga uqubat yang sama bagi kes pemalsuan cop Baitul Mal (Abu Bakar `abd Razzaq bin Hammam ash-Shan’aniy Raja, t. th.).</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyiarkan fahaman dan ajaran sesat boleh dipenjara selama dua tahun atau sebatan 12 kali di depan umum.</li> <li>2. Makan dan minum di siang hari pada bulan Ramadhan di tempat umum boleh dipenjara selama empat bulan atau sebatan 12 kali.</li> </ol>

	1. Umar mengusir ternakan, tidak memberikan perlindungan, menyebat peminum arak, dan membakar rumahnya kerana menyimpan minuman keras (Abu Bakar 'abd Razzaq bin Hammam ash-Shan'aniy Raja, t. th.). 2. Seorang lelaki dari Bani Saqif menyimpan minuman keras, Umar menyebat dan membakar rumahnya (Abu Muhammad `Abdullah ibn Ahmad ibn Muhammad ibn Qudamah, t. th.).	12/2003
		Institusi yang membantu menghasilkan, menyediakan, menjual, memasukkan, mengedarkan, mengangkut, menyimpan, menimbun, dan memperdagangkan minuman khamar akan dirampas dan dimusnahkan, dan dibatalkan lesennya.
	1. 'Umar pernah menyebat seorang lelaki dengan kurang dari 100 kali sebatan kerana dia ditemukan bersama dengan seorang wanita di tempat yang gelap (Qal`ahjih, 1981). 2. 'Umar pernah mengasingkan seorang hamba lelaki yang berhubungan dengan majikan perempuannya kerana ingin menikahinya (Baihaqi, 1983).	14/2003
		Berbuat mesum/khalwat akan disebat antara tiga hingga sembilan kali. Denda Rp. 2500.000 sehingga Rp.10 juta.
Denda	Untuk kes takzir melibatkan denda, 'Umar tidak mengenakan hukuman ini melainkan ia melibatkan ganti rugi kepada pemilik harta atau hak. Bahkan jika harta itu merugikan masyarakat seperti minuman keras, ia harus dimusnahkan. Contohnya kes hamba Abdurrahman bin Hatib bin Abi Balta'ah yang mencuri dan menyembelih seekor unta milik orang lain, maka 'Umar meminta Abdurrahman menggantinya dengan dua kali ganda. Harga semasa unta adalah 400 dirham, namun digandakan menjadi 800 dirham (Qal`ahjih, 1981).	6/2014
		1. Melakukan ikhtilat akan disebat 30 kali, atau didenda sebanyak 300 gram emas asli, atau penjara 30 bulan. 2. Melakukan gangguan seksual akan disebat 45 kali, atau denda 450 gram emas asli, atau penjara 45 bulan.

**Jadual 2.** Praktik hukuman sebatan takzir 'Umar bin al-Khattab yang terkandung dalam Qanun Aceh

Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa adaptasi pelaksanaan hukuman sebatan 'Umar bin al-Khattab dalam Qanun-Qanun Aceh tidak dipraktikkan secara jelas dan seiringan, namun hukuman takzir ini telah dipraktikkan secara teori. Dengan berpegang kepada konsep pewujudan hukuman takzir adalah berasal daripada Khalifah 'Umar bin al-Khattab sehingga ia menjadi perbincangan undang-undang Islam oleh pada fuqaha dalam kitab-kitab mereka dan sebagai salah satu sumber pengambilan syariat Islam, maka Qanun Aceh telah mengubah suai hukuman sebatan Umar kepada hukuman yang lebih ringan dengan menjunjung tinggi prinsip-prinsip Hak Asasi Manusia (HAM), hal ini sekaligus menyokong keinginan masyarakat Aceh untuk menegakkan syariah Islam di bumi Tanah Rencong tersebut.

### ***Praktik Qanun Aceh dalam melaksanakan takzir 'Umar***

Kemaslahatan masyarakat menjadi hal paling utama dalam menghalang jenayah daripada berkembang. Bagi menjaga maslahat ini, amalan yang dipraktikkan ketika Qanun Aceh melaksanakan takzir 'Umar adalah:

1. Penentuan kategori sesuatu jenayah sebagai jenayah takzir adalah dengan cara tidak memasukkan jenayah yang tergolong dalam kategori qisas dan hudud.
2. Alat menghukum pesalah adalah dengan menggunakan cemeti atau ditahan penjara.
3. Proses hukuman hendaklah disaksikan oleh orang ramai.

Bagi menjelaskan kepentingan Qanun Aceh memasukkan hukuman takzir dalam undang-undangnya adalah disebabkan (UU RI Nomor 44 tahun 1999):

1. Tradisi keagamaan masyarakat Aceh yang sangat tinggi.
2. Untuk menempatkan para ulama pada posisi yang terhormat dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.
3. Sebagai kelestarian dan pengembangan dunia pendidikan.
4. Untuk jaminan kepastian hukum dalam melaksanakan segala urusan.

### ***Pengurangan kuantiti dan kualiti takzir ‘Umar dalam Qanun Aceh***

Semasa proses penghasilan undang-undang hukuman takzir, berlaku pengurangan kuantiti dan kualiti dalam isi kandungan hukuman takzir pada Qanun Aceh dibandingkan dengan takzir ‘Umar. Hal ini disebabkan oleh banyak pertimbangan yang menghadkan pelaksanaan hukuman takzir pada Qanun Aceh antara lain:

1. Qanun Aceh perlu mengikuti Pasal 18 b dan Pasal 29 UUD 1945. Pasal 18 b UUD 1945 menyatakan; (1) Negara mengakui dan menghormati unit-unit pemerintahan daerah yang bersifat khusus atau bersifat istimewa yang diatur dengan undang-undang. (2) Negara mengakui dan menghormati kesatuan masyarakat hukum adat beserta hak-hak tradisionalnya sepanjang masih hidup dan sesuai dengan perkembangan masyarakat dan prinsip Negara Kesatuan Republik Indonesia, yang diatur dalam undang-undang. Sementara itu, Pasal 29 UUD 1945 pula menyatakan; (1) Negara berdasar atas Ketuhanan Yang Maha Esa. (2) Negara menjamin kemerdekaan tiap-tiap penduduk untuk memeluk agamanya masing-masing dan untuk beribadat menurut agamanya dan kepercayaannya itu.

Apabila kebebasan menjalankan tradisi setempat dan upacara keagamaan diberikan oleh NKRI kepada semua warga Indonesia, maka sebenarnya di sanalah terletak ketidakebasan. Tradisi di suatu daerah haruslah menghormati tradisi daerah yang lain dan penganut sesuatu agama haruslah menghormati penganut agama yang lain. Untuk menjaga kehormatan tradisi antara daerah, justeru Qanun Aceh hanya berlaku di wilayah Aceh saja dan tidak berlaku di wilayah yang lain. Muslim di Aceh sahaja yang dikenakan hukuman takzir dan tidak dikenakan bagi penganut agama lain yang berada di Aceh. Kaum beragama selain Islam juga harus menghormati dan mencegah dirinya agar tidak terjebak dikenakan hukuman takzir. Kalau terjadi pelanggaran undang-undang takzir akan dikenakan dengan hukuman yang bersifat umum.

2. Halangan daripada tiga puluh isi kandungan Hak Asasi Manusia (HAM) dunia (Pranoto Iskandar, 2012). Isi kandungan HAM dunia telah disepakati oleh pemerintah NKRI untuk menerimanya (Mas Kana Kurniawan, 2022). Oleh sebab itu, hal-hal yang berkaitan dengan pelanggaran HAM di Indonesia akan mendapat sorotan dan kritikan dunia. Qanun Aceh berusaha sebaik mungkin untuk memperhalusi hukuman terhadap pelaku jenayah takzir agar hukuman yang dikenakan tidak terlihat begitu zalim, kejam, dan tidak berperikemanusiaan. Inilah sebabnya Qanun Aceh banyak mengubah suai takzir ‘Umar agar sesuai dengan zamannya dan diterima oleh masyarakat. Misalnya, satu kes terjadi pada 19 Mac 2020, Kejaksaan (Pendakwa Raya) Negeri Aceh Jaya telah melaksanakan uqubat (hukuman) sebatan bagi kesalahan pelanggaran Qanun Aceh No. 6 Tahun 2014 tentang Hukum Jinayat terhadap tiga orang pesalah kes perjudian. Pelaksanaan hukuman sebatan ini dilaksanakan di halaman Kantor Kejaksaan Negeri Aceh Jaya, pukul 15.00 WIB, berdasarkan keputusan Mahkamah Syar’iyah Calang tanggal 27 Februari 2020 dengan perkara Nomor 1/JN/2020/MS.Cag, 2/JN/2020/MS.Cag dan 3/JN/2020/MS.Cag. Pelaksanaan hukuman sebatan ini dilakukan oleh Dinas Syariat



Islam Kabupaten Aceh Jaya, yang dalam hal ini dihadiri oleh Hakim Mahkamah Syar'iyah Calang M. Afif, S.H.I. yang sekaligus bertindak sebagai Hakim Pengawas Pelaksanaan hukuman sebat, Ketua Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU), Kepala Kejaksaan Negeri Aceh Jaya, Kapolres Aceh Jaya, Lembaga Pemasarakatan Aceh Jaya, Kepala Dinas Syariat Islam Aceh Jaya, Dinas Kesehatan Aceh Jaya, Wilayatul Hisbah (WH) dan Satpol PP Aceh Jaya. Hukuman sebatan yang diterima pesalah adalah sebanyak lapan kali sebatan dan dikurangi tempoh masa tahanannya. Pelaksanaan hukuman ini berjalan dengan baik, sesuai dengan aturan undang-undang dan berlangsung dengan dikawal oleh anggota Polres Aceh Jaya, Wilayatul Hisbah (WH) dan Satpol PP.

Pada awalnya, hukuman takzir sebatan ini mendapat respon negatif dan kontroversi daripada sebahagian kelompok masyarakat kerana dianggap melanggar hak-hak asasi manusia dan penyeksaan. Misalnya, 50% mahasiswa ITB memandang hukum ini sudah tidak relevan diterapkan dan 50% lainnya memandang hukum ini masih relevan diterapkan di Wilayah Aceh (Indis Ferizal, 2019). Kepala Biro Humas Setda Aceh Frans Dellian mengatakan bahawa tidak ada permintaan kepada pemerintah Aceh untuk menyemak kembali pelaksanaan Qanun Aceh. Dia membantah bahawa terjadi pelanggaran hak asasi manusia dan hukuman sebatan yang dilakukan adalah tidak sekejam yang dibayangkan masyarakat. Tidak pernah berlaku apabila setelah selesai dihukum sebat, pesalah itu dimasukkan ke ruang ICU hospital. Setelah dihukum sebat, satu atau dua minit berikutnya, pesalah sudah kembali seperti biasa kerana yang paling menyakitkan bukanlah hukuman pada tubuh badan fizikal, tetapi pada perasaan malu yang dihadapinya ketika menerima hukuman di khalayak ramai (Muhammad Ridwan Kemala Fahikra Shandi, 2021). Proses hukuman sebatan ini dapat memberikan rangsangan dan kesan pengajaran untuk mencegah terjadinya pelanggaran syariah sekalipun mendapat respon yang berbeza daripada kalangan masyarakat (Haiyun Nisa Nurbaiti, Wahyuni Wahyuh, & Makbull Rizki, 2022). Bahkan, sebahagian orang masih acuh tak acuh dengan hukuman sebatan yang akan dikenakan kepada pelakunya. Sebahagian orang pula mengusulkan agar perlu ada hukuman tambahan selain hukuman sebatan (Bustami, 2003). Dengan pandangan-pandangan sedemikian, hukuman takzir sebenarnya tidak terlihat sadis, kejam, dan tidak melanggar perikemanusiaan.

Akibat daripada penerapan Syariat Islam ini, ia telah berhasil mengurangkan kelakuan buruk dalam kalangan masyarakat Aceh dan ia turut memberikan *shock therapy* bagi para pelakunya dan menimbulkan rasa malu bagi dirinya dan keluarganya. Pada tahun 2005, didapati bahawa amalan perjudian di Aceh mengalami penurunan, munculnya kesedaran masyarakat dalam beragama dan beribadah seperti berpakaian menurut Islam di depan umum, penglibatan masyarakat dalam majlis ilmu terlihat lebih baik serta solat lima waktu di masjid semakin bertambah setiap hari. Sebaliknya, pelakuan kejahatan yang dilakukan oleh para pemuda didapati semakin berkurangan khususnya di Kabupaten Pidie. Pengkaji mencadangkan agar hukuman takzir sentiasa disemak berulang kali sehingga ia dapat mendidik pesalah agar semakin sedar dan tidak mengulangi kembali kejahatannya.

### **Kesimpulan**

Sumbangan takzir 'Umar bin Al-Khattab terhadap Qanun Aceh telah dapat dikenal pasti merangkumi hukuman sebatan, penjara dan denda meskipun terdapat beberapa pengubahsuaian tatacara pelaksanaannya. Hal ini disebabkan wujud perbezaan antara undang-undang Islam dengan sistem undang-undang nasional dan Hak Asasi Manusia (HAM) sehingga menyebabkan pengurangan dari sudut kualiti dan kuantiti takzir 'Umar adalah sesuatu yang tidak dapat dihindarkan. Penambahan dan pengurangan hukuman takzir berdasarkan kesesuaian kondisi, budaya, dan tradisi setempat masyarakat Aceh merupakan sesuatu yang harus dilakukan agar pelaksanaannya boleh diterima baik oleh masyarakat. Selain itu, kesan sadisme, radikalisme, dan ekstrimisme juga telah cuba dielakkan sebaik mungkin dalam pelaksanaan Qanun Aceh agar tidak berlaku penolakan daripada komponen masyarakat dan pemerintah negara.

## Rujukan

- ‘Abd al-Aziz, A. (1969). *Al-Takzīr fi al-Syari’at al-Islām*. Beirut: Dār al-Fikr al-‘Arabī.
- Abdul Azis, D. (1996). Jarimah. In *Ensiklopedi Hukum Islam* (Ed.). Jakarta: Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Aceh, S. P. P. W. H. (2023, March 14). “Pelanggaran qanun no. 6 tahun 2014 tentang hukum jinayat”. *Opendata*. <https://data.acehprov.go.id/dataset/pelanggaran-qanun-no-6-tahun-2014-tentang-hukum-jinayat>
- Ahmad Daudy. (1983). *Allah dan manusia: Dalam konsepsi Syeikh Nuruddin Ar-Raniry*. Jakarta: Rajawali Pers.
- Ahmad, M. H., & Baharuddin, A. S. (2022). Al-Muḥaqqiqu al-Jinā’iyy fi al-Fiqhi al-Islāmiyy. *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 3(1), 67–79. <https://doi.org/10.55265/almaqasid.v3i2.21>
- al-`Asqalani, I. H. (1987). *Fath al-bārī bi syarh shahih al-Bukhārī*. Cairo: Dār al-Adyān li Turās.
- al-Audah, A. Q. (1968). *Al-tasyrh al-janā’ī al-Islāmī muqāranā bi al-qanūn al-wadha’ī*. t.t.p.: Dār al-Turāb.
- al-Bahuti, M. Y. (1996). *Al-raud al-murbi’ bi syarh zād al-mustaqnī*. Beirut: Dār al-Kitāb al-Arabī.
- al-Baihaqi, A. B. (1983). *Al-sunan al-kubrā ma`a al-jauhar al-naqī*. Beirut: Dār Sadr.
- al-Duraini, M. F. (1994). *Buḥūts muqāranah fī al-fiqh al-Islāmī wa ushūluh*. Beirut: Mu`assasah al-Risālah.
- al-Jardani, M. A. (1990). *Fath al-`allām bi syarh mursyid al-anām*. t.t.p.: Dār al-Salām.
- al-Jauzi, A. R. (t.t.). *Tārīkh Umar ibn al-Khaththāb*. Damascus: Dār Ihya’ Ulūm al-Dīn.
- al-Jaza’iri, A. B. (1987). *Al-minhāj al-Muslim*. Jeddah: Dār al-Syurūq.
- al-Kahlaniy, M. I. (1986). *Subul as-salam* (Vol. 4). Bandung: Dahlan.
- al-Suyuthi, J. D. (t.t.). *Tanwīr al-hawālik syarh alā al-muwaththa Imām Mālik*. Egypt: `Īsā al-Bābī al-Halbī.
- al-Thakeb, & Scott, J. E. (1981). Islamic law: An examination of its revitalisation. *British Journal of Criminology*, 21(1), 58–69. <https://doi.org/10.1093/oxfordjournals.bjc.a047197>
- al-Thamawi, S. M. (1976). *Umar ibn al-Khaththāb wa ushūl al-siyāsah wa al-idārah al-hadūtsah*. Cairo: Dār al-Fikr al-Arabī.
- al-Yasa’, A. B. (2020). *Pelaksanaan Syariat Islam di Aceh sebagai otonomi khusus yang asimetris: Sejarah dan perjuangan*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Aceh.
- Arskal, S., & Adlin, S. (2010). *Serambi Mekkah yang berubah*. Ciputat: Pustaka Alvabet.
- Badan Pusat Statistik Provinsi Aceh. (2022). *Provinsi Aceh dalam angka 2022: Aceh Province in Figures 2022*. Aceh: BPS Provinsi Aceh.
- Bustami. (2015). Penerapan Qanun Provinsi Naggroe Aceh Darussalam Nomor 14 Tahun 2003 Tentang Khalwat/Mesum Di Kabupaten Aceh Timur. *Jurnal Hukum Samudera Keadilan*, 10(2), 177-190. <https://ejournalunsam.id/index.php/jhsk/article/view/118>
- Cresswell, J. W. (2012). *Education Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4th ed.). Boston: Pearson Education Inc.
- Darmansjah, D. (2013). *Soft Power untuk Aceh: Resolusi Konflik dan Politik Desentralisasi*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Fadhlullah, N. (2017). Metode perumusan Qanun Jinayah Aceh: Kajian terhadap Pasal 33 tentang Zina. *Jurnal Agama dan Hak Azazi Manusia*, 7(1), 18–23. <https://doi.org/10.14421/inright.v7i1.1456>
- Ferizal, I. (2019). Hukuman cambuk dan relevansinya terhadap kesadaran hukum di Aceh. *Jurnal Hukum Islam dan Ekonomi*, 8(2), 49-77.
- Ibn Abi Syaibah, A. B. (1995). *Al-kitāb al-mushannaf fī al-ahādīts wa al-ātsār*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Farhun, B. D. (1995). *Tabshirah al-hukkām fī ushūl al-aqdiyah wa manāhij al-ahkām*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Hazm, A. M. (1983). *Jamharah ansāb al-‘Arab*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Hazm, A. M. (t.t.). *Al-muḥallā*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Jar al-Tharifi. (1984). *Al-qadhā’ fī ahdi Umar ibn al-Khaththāb*. Riyadh: t.p.
- Ibn Muslim, A. M. (t.t.). *Al-maārif li ibn Qutaibah*. Cairo: Dār al-Maārif.
- Ibn Qudamah, A. A. (t.t.). *Al-mughnī li ibn Qudāmah*. Riyadh: Maktabah al-Riyādh al-Hadītsah.

- Indonesia, M. A. R. (2024, March 14). "Peraturan dan perundang-undangan". Direktori Putusan. <https://putusan3.mahkamahagung.go.id/peraturan/detail/11e9d9fe5df9bbcebd63313732333333.html>
- Iskandar, P. (2012). *Hukum HAM Internasional: Sebuah pengantar kontekstual*. Cianjur: IMR Press.
- Jamhir, J. (2020). Revitalisasi hukum adat di Aceh. *Jurnal Justisia: Jurnal Ilmu Hukum, Perundang-Undangan Dan Pranata Sosial*, 1(1), 68-90.
- Jazairiy, A. B. (t.t.). *Minhaj al-Muslim*. Makkah: Dar al-Syuruq.
- Kemala, F. S., Thoriq, I., Anisa, N. P. D., & Muhammad, R. (2021). Pandangan mahasiswa tentang hak asasi manusia dalam penerapan hukum Qanun Jinayah di Aceh. *Jurnal De Cive: Jurnal Penelitian dan Pendidikan Pancasila dan Kewarganegaraan*, 1(4), 105–112. <https://doi.org/10.56393/decive.v1i4.290>
- Khalil al-Mais. (1992). *Murqāh al-mafātīh syarh misykhāh al-mashābīh*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Kurniawan, M. K. A. (2023). *Jurnal Islam dan Pancasila*. Jakarta: Dimas Press.
- Mahkamah Agung Republik Indonesia. (2024). Hukum Jinayat Aceh. *Putusan Pengadilan Negeri Banda Aceh*. Accessed March 14, 2024. <https://putusan.mahkamahagung.go.id/putusan.html>
- Muhammad, B. (2023). Hukuman mati untuk penodaan agama: Perspektif hukum di Aceh. *Aceh Law Journal*, 2(3), 189. <https://doi.org/10.1111/j.acehlj>
- Nasir, M., Sohaimi, A. Z., & Noriah, M. (2019). *Aceh–Malaysia: Dalam rangkuman sastra, budaya, dan media*. Aceh: Ar-Raniry Press.
- Nurbaiti, W., Makbull, R., & Haiyun, N. (2022). Pandangan masyarakat terhadap pelaksanaan hukuman cambuk di Aceh. *Jurnal Ilmiah Psikologi, Indigenous*, 7(2), 96-104. <https://doi.org/10.23917/indigenous>
- Pancacita. (2024). *Qanun Aceh, nomor 16 Tahun 2014 tentang hukum jinayat*. Mahkamah Agung Republik Indonesia Lhokseumawe. <https://maa.lhokseumawekota.go.id/files/Qanun-Aceh-Nomor-6-Tahun-2014-Tentang-Hukum-Jinayat.pdf>
- Peraturan Gubernur NAD Nomor 10 Tahun 2005 tentang Petunjuk Teknis Pelaksanaan 'Uqubat Cambuk.
- Qalahjih, M. R. (1981). *Mausūah Fiqh Umar ibn al-Khaththāb Radhiyallāh anh*. t.t.p.: t.p.
- Qanun Aceh Nomor 6 Tahun 2014 tentang Hukum Jinayat.
- Qanun NAD Nomor 10 Tahun 2002 tentang Peradilan Syariat Islam.
- Qanun Provinsi NAD Nomor 10 Tahun 2002 tentang Peradilan Syariat Islam Pasal 49 Huruf C.
- Qanun Provinsi NAD Nomor 11 Tahun 2002 tentang Pelaksanaan Syariat Islam Bidang Aqidah, Ibadah, dan Syi'ar Islam. Bab VIII Ketentuan Uqubat Pasal 20 bagian 1.
- Qanun Provinsi NAD Nomor 13 Tahun 2003 tentang Maisir (Perjudian). Bab VIII tentang Pelaksanaan 'Uqubat Pasal 30.
- Ruhaili, R. R. (t.t.). *Fiqh `Umar ibn al-Khattāb muwāzinān bi fiqh asyhur al-mujtahidīn*. Beirut: Dār al-Garb al-Islāmī.
- Rusydi Ali, M. (2004). *Revitalisasi Syariat Islam di Aceh: Problem, solusi, dan implementasi*. Jakarta: Rogos Wacana Ilmu.
- Said, M. (1991). *Aceh: Sepanjang abad*. Medan: Waspada.
- Shadiliy, H. (1992). (Ed.). Arab Saudi. In *Ensiklopedi Indonesia*, Vol. 1. Jakarta: Ichtiar Baru van Hoeve.
- Tim Direktorat Jenderal Pendidikan Islam Kementerian Agama RI. (2018). *Ensiklopedi Islam Nusantara: Edisi Budaya*. Jakarta: Direktorat Jenderal Pendidikan Islam Kementerian Agama RI.
- Tim Redaksi Ensiklopedi Nasional Indonesia. (1997). Pakistan. In *Ensiklopedi Nasional Indonesia*, Vol. 12. Jakarta: Delta Pamungkas.
- UU RI Nomor 44 Tahun 1999 tentang Penyelenggaraan Keistimewaan Propinsi Daerah Istimewa Aceh.
- Zainal Abidin, Adzkar, A., Afridal, D., & Roichatul, A. (2011). *Analisis Qanun-Qanun Aceh Berbasis Hak Asasi Manusia*. Jakarta: Demos.